



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

## KENYATAAN MEDIA

### ***SURUHANJAYA INTEGRITI LANCARKAN LAMAN WEB RASMI***

Rabu, 29 Februari 2012 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan yang menjalankan fungsinya di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] telah melancarkan laman web rasminya [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my) hari ini. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Pengerusi Suruhanjaya Datuk Heliliah Mohd Yusof.

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau ***SURUHAJAYA INTEGRITI*** telah ditubuhkan pada 1 April 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Di bawah Seksyen 4, Akta 700 fungsi utama Suruhanjaya Integriti adalah merangkumi penerimaan aduan salah laku daripada orang ramai terhadap pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan Persekutuan termasuk mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku yang berkaitan.

Sebanyak 19 agensi penguatkuasaan di bawah seliaan Suruhanjaya ini antaranya Agensi Antidadah Kebangsaan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Diraja Malaysia.

Pelancaran laman web rasmi ini adalah langkah untuk menyalurkan maklumat kepada orang awam, agensi Kerajaan atau pihak-pihak berkepentingan yang lain mengenai aktiviti-aktiviti semasa Suruhanjaya, isu-isu dan berita berkaitan integriti, artikel dan penerbitan berkaitan. Orang awam boleh mengakses sistem aduan dan maklum balas secara atas talian yang disediakan iaitu *i-SPAAA* selaras dengan perkembangan dan tuntutan teknologi semasa.



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN**  
**PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2**  
**62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA**  
**Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526**



**LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)**

Suruhanjaya ini sentiasa mengalu-alukan aduan mengenai salah laku anggota / agensi penguatkuasaan dalam usaha untuk membentaras salah laku serta membudayakan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa/agensi penguatkuasaan.

**-TAMAT-**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Jasliza Jamil (Seksyen Komunikasi Korporat)**  
**Tel: 03 8888 7386 / 1904 Faks: 03 8888 6526**  
**E-mel: [jasliza\\_jamil@eaic.gov.my](mailto:jasliza_jamil@eaic.gov.my) / [rosziela\\_daros@eaic.gov.my](mailto:rosziela_daros@eaic.gov.my)**

*“Integriti Dijulang Negara Bermaruah”*

**NOR AFIZAH HANUM MOKHTAR**

Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan  
29 Februari 2012